

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 AUGUST 2016

Tiga Tan Sri perlu tampil nafi kenyataan Dr. Mahathir

UM- 27/8/2016

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
PENGARANG@UTUSAN.COMMY

■ BATU PAHAT 26 OGOS

TIGA bekas pegawai tinggi kerajaan yang bergelar Tan Sri dan didakwa kononnya dikhianati dalam konspirasi menggulingkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak perlu tampil menafikan kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi membersihkan nama mereka.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, terdapat dua cara untuk menangkis dakwaan serius terhadap mereka jika perkara itu tidak benar, sama ada berdiam diri ataupun tampil menafikan kenyataan bekas Perdana Menteri itu.

Walau bagaimanapun, menurutnya, tindakan berdiam diri difikirkan bukan langkah yang memberi kelebihan kepada mereka pada masa ini kerana dakwaan tersebut ditimbulkan semula oleh Dr. Mahathir selepas didedahkan Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairul Azwan Haron baru-baru ini.

“Oleh kerana Dr. Mahathir secara terbuka membuat tuduhan tiga Tan Sri tersebut terlibat (dalam konspirasi), jadi saya rasa ada dua ‘option’ sama ada mereka berdiam diri yang saya rasa kurang baik kerana tindakan itu tak akan membersihkan nama.

“Jadi, lebih baik tampil untuk menafikan atau mengambil tindakan undang-undang kalau betul tak ada seperti yang berlaku



ISMAIL SABRI YAAKOB bersalaman dengan perwakilan ketika merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Parit Sulong di Batu Pahat, Johor, semalam.

disebut oleh Tun kerana setiap orang yang dituduh perlu bersih nama sendiri,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Parit Sulong di Hotel Katerina, di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua UMNO Bahagian Parit Sulong, Datuk Zulkurnain Kamisan; Ketua Wanita UMNO bahagian merangkap Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Noraini Ahmad dan Ketua Penerangan UMNO negeri, Datuk Samsolbari Jamali.

Baru-baru ini Dr. Mahathir memberi gambaran bahawa bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz; bekas

Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail dan bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dr. Abu Kassim Mohamed dikhianati dalam dakwaan konspirasi untuk menjatuhkan Najib.

Kelmarin, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa terdapat empat Tan Sri yang didakwa terbabit dalam konspirasi itu dan seorang daripada mereka didakwa mengkhianati tiga lagi yang dianggap pendedahan itu mengesahkan spekulasi meluas bahawa semua Tan Sri itu terlibat dalam dakwaan konspirasi berkenaan.

Ismail Sabri yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan

Wilayah berkata, isu yang dikaitkan dengan tiga Tan Sri berkenaan perlu ada penghujungnya dengan cara mereka tampil menafikan dakwaan itu atau mengambil tindakan undang-undang.

“Saya difahamkan Tan Sri Zeti sudah serahkan kepada peguamnya berhubung isu itu dan yang lain-lain saya difahamkan juga tidak mahu memanjangkan isu tersebut sebab itu mereka diam, tetapi kini Dr. Mahathir bangkit membawa isu sama.

“Jadi, saya rasa perlu ada noktah terhadap isu ini. Namun, apa pun kita serahkan kepada kebijaksanaan ketiga-tiga Tan Sri ini,” ujarnya.